

06/06/1999

Berunding sebelum lantik Pengerusi SPR

KUALA LUMPUR: DAP meminta Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berunding dengan parti pembangkang terlebih dulu sebelum melantik Pengerusi Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) yang baru.

Setiausaha Agungnya, Lim Kit Siang, berkata SPR adalah satu institusi yang sangat penting bagi memastikan pilihan raya umum dapat dilaksanakan secara bebas, adil dan bersih.

Pengerusi SPR, Datuk Harun Din yang mempengerusikan SPR selama sembilan tahun akan bersara pada 21 Jun ini selepas mencapai usia persaraan 65 tahun.

Sambil merujuk kepada Perkara 114 (2) Perlembagaan, Lim berkata, SPR perlu memastikan badan itu mendapat keyakinan ramai.

"Oleh itu, Perdana Menteri perlu berunding dengan Pembangkang terlebih dahulu sebelum menamakan seseorang untuk mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

(END)